



**IKLIN**  
MEMBUDAYAKAN PERPADUAN

# BULETIN IKLIN

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL

# 2017



#Iklin #MyUnity #MomentOfUnity  
#Perpaduan #NationalUnity

# SIDANG REDAKSI 2017

## Ketua Sidang Redaksi

Encik Mohd Khalil Bin Hj. Ahmad

## Sidang Redaksi

Encik Andy Anak Romeo Willie @ Sanen  
Puan Intan Suhana Binti Yusuff  
Puan Marlina Binti Termudi  
Puan Norhamidah Binti Gorment  
Puan Syadatul Amira Binti Aminudin  
Puan Zanariah Binti Suleiman  
Puan Naizarina Binti Isa  
Puan Norizan binti Zainal  
Puan Norhaslinda Binti Osman  
Puan Mohamad Shahrin Bin Shuib  
Puan Nik Nurul Nadia Nik Binti Mohd Rozi

---

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JABATAN PERDANA MENTERI)  
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
Telefon : +6 03 8883 7000  
Laman web : <http://www.perpaduan.gov.my>

 INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)

## Penaung



**YBhg. Datuk Baharin Bin Idris**  
Ketua Pengarah JPNIN

## Penasihat



**YBrs. Tn.Hj. Abdul Halim Bin Omar**  
Pengarah IKLIN



# Selamat Datang



**Tn Hj. Abdul Halim Bin Omar**  
Pengarah  
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional



**Encik Ahmad Nazif Bin Hj. Mohamad**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pembangunan Latihan



**Encik Zulkifli Bin Shuib**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Latihan



**Puan Yuslina Binti Yusof**  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Penyelarasan Kajian dan  
Maklumat



**Puan Suhaira Binti Ramli**  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan



**Puan Siti Hajar Binti Ahmad**  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Pembangunan Latihan



**Encik Rostam Bin Omar**  
Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan

# Terima Kasih



**Encik Beh Sang How**  
Cuti Belajar Berqaji Penuh



**Puan Zarina Binti Zakaria**  
Berpindah Ke Daerah Brickfield, WPKL



**Puan Rosmiyatul Fajriyah Binti Mustafa**  
Berpindah Ke Daerah Sentul, WPKL



**Puan Siti Madzlina Binti Mahtar**  
Berpindah Ke Unit Integrati, JPNIN



**Puan Megala A/P Ayasamy**  
Berpindah Ke Politeknik Port Dickson



**Puan Nurhafizan Binti Othman**  
Berpindah Ke IPD Kota Bharu



**Puan Syazana Binti Ab Razak**  
Berpindah Ke JPNIN Daerah Sepang, Selangor



**Puan Hazian Binti Mat Isa**  
Berpindah Ke Bahagian Kesepaduan Sosial dan  
Integrasi Nasional




**Encik Mohamad Ghany Bin Saidu**  
Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan

# KURSUS PENGURUSAN SKIM RONDAAN SUKARELA ( SRS ) CEMERLANG

Kursus Pengurusan Skim Rondaan Sukarela (SRS) Cemerlang Tahun 2017 telah dilaksanakan pada 04 – 06 Ogos 2017 bertempat di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan SRS di KRT yang terlibat dalam kursus ini dan mewujudkan kesedaran komuniti dalam aspek keselamatan di kawasan kejiranan.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta dikalangan Peronda Skim Ronda Sukarela (SRS) daripada 4 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Diantara pengisian bengkel tersebut adalah ceramah pengurusan SRS, perkongsian Pengurusan SRS Cemerlang dan Simulasi Rondaan Sukarela di SRS Daerah Seremban. Kursus ini amat baik dan diharapkan agar melalui kursus ini mampu dapat memantapkan pengurusan Skim Rondaan Sukarela di peringkat negeri dan daerah di seluruh Negara.



# KURSUS AGRO EKONOMI RUKUN TETANGGA

Kursus Agro Ekonomi Rukun Tetangga di KRT Malima Daerah Sook Sabah telah dilaksanakan pada 14 – 15 Oktober 2017 bertempat di Dewan Serbaguna Kg. Malima Daerah Sook Sabah. Kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk Kemahiran asas pertanian seperti mengenalpasti jenis peralatan pertanian, kaedah penanaman dan pembiakan yang betul dan aplikasi Sains dan Teknologi dalam pertanian

Kursus ini telah dihadiri seramai 50 orang peserta dikalangan ahli Rukun Tetangga di Daerah Sook Sabah. Diantara pengisian kursus tersebut adalah ceramah, amali kursus pertanian dan demonstrasi semaian anak benih dan penggunaan peralatan dengan betul. Kursus ini amat baik dan diharapkan agar melalui kursus ini mampu dapat meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran kepada ahli Rukun Tetanga Daerah Sook yang terlibat dalam projek Agro Rukun Tetangga di Daerah Sook, Sabah ini.



# KURSUS 'TEACHING ENGLISH FOR PRESCHOOL'

Mengajar komponen bahasa, khususnya Bahasa Inggeris amat mencabar bagi guru-guru prasekolah. Ini kerana bukan semua boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Teknik pengajaran yang dilaksanakan di peringkat kelas juga memainkan peranan penting supaya penglibatan murid dapat dipertingkatkan dan murid juga dapat merasai keseronokan dalam usaha menguasai bahasa tersebut.

Kurikulum Bahasa Inggeris Prasekolah diwujudkan khusus untuk membina asas penguasaan Bahasa Inggeris oleh murid melalui perkembangan kemahiran mendengar, bercakap dan awal literasi. Kurikulum ini juga dibentuk bertujuan untuk membolehkan pelajar untuk berkomunikasi secara aktif dengan orang lain di dalam persekitaran langsung (immediate environment) serta mengembangkan keseronokan bahasa melalui penggunaan cerita, puisi, lagu dan permainan. Melalui keseronokan bahasa, mereka boleh membayangkan dan mencipta pengalaman.

Pada akhir kursus ini guru dapat :

1. Menguasai kemahiran asas perkembangan bahasa dengan cara mendengar, bercakap dan bertutur.
2. Menguasai teknik bagi membolehkan kanak-kanak aktif berkomunikasi dalam persekitaran langsung (active environment)
3. Mengaplikasikan teknik mengembangkan keseronokan bahasa melalui penggunaan cerita, puisi, lagu dan permainan

# BENGKEL REVIEW PEMBANGUNAN MODUL TABIKA PERPADUAN

Bengkel ini mensasarkan pegawai dan guru sedia ada yang berperanan sebagai jurulatih utama. Bengkel ini perlu mendapat input dari pegawai sebagai pembuat dasar dan guru sebagai agen perubahan. Justeru pengalaman yang komprehensif dan holistik perlu digabungkan bagi meningkatkan kualiti modul dan meningkatkan kemahiran dalam penyampaian modul yang berkesan

kursus ini telah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2017 melibatkan peserta seramai 30 orang guru dari seluruh Malaysia.



## KURSUS PENGURUSAN TINGKAH LAKU KANAK KANAK

Memandangkan tugas dan tanggungjawab guru dan pendidik semakin kompleks, maka amatlah wajar mereka mengikuti latihan yang komprehensif dan holistik bagi meningkatkan kualiti diri dan kemahiran dalam mengurus tingkahlaku kanak-kanak. Kandungan Kursus yang akan dilaksanakan ini akan memantapkan skill dan kebolehan para guru terutama dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Pada akhir kursus ini para peserta akan dapat :

- Menyenaraikan konsep disiplin, hukuman dan bimbingan;
- Menerangkan tingkahlaku positif atau negatif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak Tabika dan Taska Permata Perpaduan;
- Menyenaraikan cara mengatasi tingkah laku kanak-kanak mengikut situasi; dan
- Membincangkan strategi membimbing tingkahlaku dalam pengurusan kanak-kanak seharian.





# KURSUS ASAS PENGURUSAN SKUAD UNITI

Kursus Asas Pengurusan Skuad Uniti yang dianjurkan oleh Pusat Hubungan Etnik, IKLIN dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan (PMK), Ibu Pejabat JPNIN ini telah dilaksanakan sebanyak 4 siri dan dihadiri peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dan pegawai JPNIN dari seluruh negara. Penceramah yang dijemput adalah dari Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM).

IKLIN telah menerima maklum balas daripada peserta iaitu 90% peserta memberi penilaian secara keseluruhannya dan pencapaian objektif pada skala 4 daripada 5 bagi pelaksanaan dan pencapaian objektif kursus.



# BENGGKEL PELAKSANAAN PROGRAM SAYANGI KOMUNITI



Kursus ini memberi latihan kepada Pegawai Perpaduan yang berada di barisan hadapan untuk mengesan dan melaporkan isu-isu atau insiden yang boleh menggugat perpaduan. Selain dari itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan dari segi ilmu dan skill berkenaan pengurusan isu-isu perpaduan dan pengurusan konflik di Malaysia.

Kursus ini telah diadakan sebanyak 4 siri pada tahun 2017 meliputi Zon Utara, Zon Sabah & Sarawak, Zon Timur dan Zon Tengah. Di samping itu, 2 bengkel khas Training of Trainer dan Pemantapan Modul PSK juga telah diadakan bagi persediaan manual kepada pegawai jabatan dan Rukun Tetangga di dalam pelaksanaan Program Sayangi Komuniti ini.



## KAFE PENGGERAK PERPADUAN MASYARAKAT

3 NOVEMBER  
**2017**

Penggerak Perpaduan Masyarakat (PPM) telah mula dilantik pada tahun 2009 di mana JPNIN melihat ketegangan perhubungan antara kaum khususnya di peringkat akar umbi perlu dikesan dengan cepat supaya tindakan kawalan dan pencegahan dapat diambil bagi memelihara keharmonian masyarakat.

Penggerak Perpaduan Masyarakat merupakan pelengkap kepada RT dan SRS dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian negara terus terjamin. Justeru itu, Kafe Penggerak telah dilaksanakan sebanyak 2 kali pada tahun 2017 melibatkan 40 orang Penggerak Perpaduan Masyarakat bertujuan bagi menyelaraskan tugas dan memberi hala tuju yang jelas kepada para Penggerak Perpaduan Masyarakat bagi mendalami isu masyarakat dan langkah awalan bagi mengatasi permasalahan tersebut .



# BENGKEL PELAKSANAAN EKSA

Bengkel ini telah diadakan pada 24 Mei 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 8, JPNIN melibatkan 18 orang peserta. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk :

- (1) Menggalakkan penciptaan dan penyuburan idea yang kreatif
- (2) Mendapatkan input untuk mengujudkan persekitaran ruang pejabat yang kondusif
- (3) Menyedia dan melengkapkan dokumen EKSA JPNIN

Peserta bengkel telah menyedia dan melengkapkan cadangan Buku Panduan EKSA JPNIN untuk kegunaan Jabatan dengan bimbingan fasilitator EKSA yang dilantik oleh MAMPU iaitu Puan Mazzleza Bt Ab.Wahab.



## BENGKEL PROJEK INOVASI DAN KIK

Bengkel telah diadakan pada 5-6 April 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 8, JPNIN melibatkan 29 orang peserta. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk:

- (a) Menggalakkan penciptaan dan penyuburan inovasi di JPNIN.
- (b) Menggalakkan pembudayaan inovasi dalam pelaksanaan proses kerja untuk meningkatkan kecekapan.
- (c) Menyedia dan melengkapkan dokumen Inovasi dan KIK untuk Anugerah Inovasi JPM.

Selain itu, bengkel ini juga bertujuan menilai cadangan projek yang dihasilkan oleh peserta untuk dicalonkan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat JPM 2016. Hasil bengkel telah memilih 3 pencalonan iaitu :

NEGERI	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK
PULAU PINANG	INOVASI SPS	FUTURISTIC UNITY LANDSCAPE
SELANGOR	LESTARI PUTRA	MYSRS
JOHOR	JB OHSEM	MY MAGIC BOOK

# KURSUS PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT IKLIN

Kursus ini telah diadakan sebanyak dua siri iaitu siri pertama telah diadakan pada 6 Julai 2017 melibatkan 20 orang peserta manakala siri dua telah diadakan pada 10 Ogos 2017 melibatkan 20 orang peserta. Kedua-dua kursus telah diadakan di Bilik Mesyuarat IKLIN, Aras 7 JPNIN. Kursus ini diadakan bertujuan untuk:

- (a) Menggalakkan perkongsian idea yang kreatif
- (b) Mendapatkan pandangan berkenaan sistem yang telah dibangunkan
- (c) Menambahbaik sistem agar lebih mesra pengguna

Melalui perbincangan dalam kursus ini, satu sistem yang dinamakan Sistem Pengurusan Maklumat (e-IKLIN) telah siap dikemaskini dan telah pun digunakan di IKLIN bagi menyimpan semua data-data kursus seperti nama kursus, tempat, bilangan peserta, nama peserta, senarai penceramah dan lain-lain. Sistem ini telah dibangunkan oleh pegawai dari Cawangan Teknologi Maklumat JPNIN dan akan ditambah baik dari masa ke semasa.

 **e-IKLIN**  
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT  
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN TEKNOLOGI NASIONAL (IKLIN)



The image shows a login interface for the e-IKLIN system. It features a blue header with the system name and logo. Below the header, there is a white box containing a lock icon, a text input field for the username, a password input field with a checkmark icon, and a blue button labeled "Log Masuk".





# Kursus Tatacara Perolehan dan Sewaan Bangunan

Kursus ini telah diadakan pada 11-13 September 2017 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), UiTM Bandar Enstek Negeri Sembilan melibatkan 33 orang peserta dari semua negeri dan Ibu Pejabat JPNIN. Empat orang penceramah telah sama-sama berkongsi ilmu dan membimbing para peserta iaitu dari Bahagian Pengurusan Hartanah JPM, Bahagian Kewangan JPM, Unit Perolehan JPNIN dan Bahagian Audit Dalam JPM. Objektif kursus ini adalah :

- (a) Menambah pengetahuan, kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan tatacara perolehan dan sewaan bangunan yang betul;
- (b) Meningkatkan kemahiran bagi mengenalpasti penyelesaian kepada permasalahan yang timbul; dan
- (c) Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan perolehan dan sewaan bangunan



# SEMINAR PENYELIDIKAN IKLIN

16.08.2017

# SEMINAR

## PENYELIDIKAN IKLIN

Seminar Penyelidikan IKLIN 2017 telah diadakan pada 16 Ogos 2017 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seminar ini dianjurkan oleh IKLIN buat julung-julung kalinya dengan tema "Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan". Seramai 400 orang peserta telah menyertainya yang terdiri daripada pegawai JPNIN, warga Rukun Tetangga (RT), wakil kementerian/jabatan/agensi/NGO, Ahli Lembaga Penasihat IKLIN (LPI), Ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA), ahli akademik dan pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS).

Tujuan seminar ini adalah untuk membentangkan hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh IKLIN dalam tempoh 5 tahun terkini bagi menyebarkan dapatan kajian kepada para peserta di samping berkongsi ilmu berkaitan isu-isu perpaduan dan integrasi nasional serta memperkukuhkan sinergi kerjasama yang telah terjalin di antara IKLIN dan pakar akademik.

Seminar dimulakan dengan ucapan oleh Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid, Timbalan Pengarah, Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk "Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan". Sebanyak 9 kertas kerja telah dibentangkan yang berkisar kepada 3 permasalahan iaitu berkaitan dengan konflik sosio-politik, isu sosial dan keselamatan serta keberkesanan program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Perkongsian ilmu melalui seminar ini diharap dapat dijadikan bahan rujuk kepada penggubal dasar dan polisi pihak kementerian terlibat lebih-lebih lagi dalam perancangan dan pelaksanaan sebarang program berunsur perpaduan yang akhirnya menyerlahkan nilai sepunya serta semangat patriotisme dan kenegaraan di samping membantu pihak berkaitan untuk merangka strategi yang berkesan bagi pembangunan program dan aktiviti yang lebih berkesan dan sesuai dengan golongan sasaran serta mencapai objektif yang diharapkan.

# SESI ASPIRASI TOWNHALL

## Perpaduan Negara & Integrasi Nasional

Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019.

Sehubungan dengan itu, susulan daripada keputusan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bahagian Bil.9/2017 pihak IKLIN dan Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Sesi Aspirasi (Townhall) TN50: Perpaduan dan Integrasi Nasional. Sesi ini dilaksanakan dengan kerjasama EPU dan diadakan sebanyak enam (6) kali mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Tengah, Zon timur, Zon Utara, Zon Sabah & Labuan dan Zon Sarawak.

Objektif program ialah memperkenalkan konsep, objektif dan rasional TN50, menggalakkan penglibatan warga JPNIN, Rukun Tetangga dan NGO dalam sesi aspirasi ini dan mendapatkan pandangan dan mengumpulkan input mengenai perspektif peserta mengenai perpaduan dan integrasi nasional. Pelaksanaan sesi aspirasi ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu sesi taklimat TN50 daripada EPU dan sesi aspirasi yang dikendalikan oleh wakil EPU dan YB Menteri/Pegawai Kanan JPNIN.

Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada peserta dimana lebih kurang 1000 aspirasi berjaya dikumpulkan daripada 6 sesi dialog yang diadakan.

*Sesi Aspirasi (TOWNHALL)*  
**PERPADUAN NEGARA &  
INTEGRASI NASIONAL**  
Transformasi Nasional 2050  
ANJARAN:  
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

# Naziran ke atas Dokumen Kewangan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) 2017 di Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)

Naziran ke atas dokumen kewangan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) bagi tahun 2017 telah dilaksanakan pada 25 dan 26 Julai 2017.

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 9 Tahun 2014, satu program naziran perlu dilaksanakan ke atas semua PTJ eSPKB yang telah melaksanakan eSPKB bertujuan untuk memberi khidmat nasihat serta memastikan Panduan Pengguna PTJ eSPKB dan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa sentiasa dipatuhi.

Seramai tiga orang ahli pasukan naziran dari Bahagian Akaun, Jabatan Perdana Menteri telah hadir melaksanakan naziran ini. Sampel yang dipilih adalah bagi tempoh mulai Julai 2016 hingga Mei 2017. Berdasarkan kepada hasil penemuan naziran, IKLIN telah berjaya mencapai keputusan cemerlang dengan markah

# 93.91 %

**Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua  
warga IKLIN!**



# CORAT CORET IKLIN

## *Sambutan Aidilfitri* @ IKLIN





# PERPINDAHAN PEJABAT IKLIN

Sejak 1 Julai 2013, IKLIN telah beroperasi di Bangunan Putra Point, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Rentetan daripada perpindahan pejabat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan pejabat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ke Kompleks Islam Putrajaya di Presint 3, maka IKLIN pun memulakan proses perpindahan pejabatnya ke Putrajaya pada bulan April 2017.

Sesi gotong-royong dan kerja-kerja mengemas peralatan pejabat, dokumen dan sebagainya dibuat dengan penuh semangat kerjasama daripada semua warga IKLIN.

Kini, IKLIN beroperasi sepenuhnya di Aras 7, Blok E2, Kompleks E Putrajaya mulai bulan April 2017.



////////////////////////////////////  
**I DON'T**

---

REGRET THE THINGS

---

**I'VE DONE**

I REGRET THE THINGS

.....

**I DIDN'T DO**

---

WHEN I HAD THE

////////////////////////////////////

**CHANCE**

---





**IKLIN**  
MEMBUDAYAKAN PERPADUAN

**PEMACU**



**PERPADUAN NEGARA**



**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)**  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
(*JABATAN PERDANA MENTERI*)  
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA